

19 DEC 2000

Hishammuddin-Suqiu

HISHAMMUDDIN SANGGUP JUMPA SUQIU SELESAI KONTROVERSI

KUALA LUMPUR, 19 Dis (Bernama) -- Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein sedia berjumpa dan berdialog dengan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina (Suqiu) bagi menamatkan kontroversi yang timbul berikutan beberapa tuntutan mereka.

Katanya beliau berharap dengan pertemuan itu, sebarang masalah yang timbul dapat diselesaikan dengan cepat.

"Demi kepentingan rakyat dan negara, saya selaku Ketua Pemuda bersedia menamatkan kontroversi berhubung Suqiu sekiranya persatuan itu benar-benar ikhlas untuk berbuat demikian," katanya kepada pemberita di Kementerian Belia dan Sukan di sini hari ini.

Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata Pemuda Umno tidak mahu kontroversi itu berterusan dan berpanjangan sehingga ia menimbulkan keresahan yang boleh menjejaskan perpaduan dan keharmonian masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

Rayuan 17 perkara yang ditimbulkan oleh Suqiu menjadi kontroversi kerana ia turut melibatkan permintaan supaya hak istimewa orang Melayu digugurkan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan kumpulan itu sebagai ekstremis kerana membuat tuntutan yang boleh menjejaskan kontrak sosial antara pelbagai kaum dan keharmonian yang sedia wujud di negara ini sejak merdeka.

Ekoran itu, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) membuat 100 tuntutan balas serta bercadang mengadakan perhimpunan bantahan di setiap negeri dan perhimpunan bantahan 100,000 orang di Stadium Nasional di Bukit Jalil.

Hishammuddin, bagaimanapun, enggan menjawab pertanyaan yang dikemukakan wartawan pada sidang media itu, sebaliknya menyatakan akan berjumpa semula dengan media apabila ada perkembangan berikutan cadangan perjumpaan dengan Suqiu itu.

Ditanya sama ada cadangan itu bermakna ia satu usaha berdamai dengan Suqiu, Hishammuddin yang bergegas mahu ke Parlimen berkata terpulanglah kepada media untuk membuat tanggapan sendiri.

Beliau juga enggan mengulas tindakan GPMS itu, sebaliknya berkata beliau hanya akan mengulas apabila ada maklumat balas dari Suqiu.

Pemimpin-pemimpin Suqiu tidak dapat dihubungi untuk diminta mengulas cadangan Hishammuddin itu.

-- BERNAMA

AR ZS MAI